

TEKNIK PENGEJAAN SUKU KATA TERTUTUP BAHASA MELAYU KVK SECARA REGRESIF (DARI BELAKANG KE DEPAN): SATU ANALISIS TEORI PENGSAKUKATAAN BAHASA MELAYU

CVC Malay Closed Syllabic Spelling Techniques Regressively (Back to Front): An Analysis of Malay syllabification theory

Mohamad Rozi Kasim

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

mrozi@fbk.upsi.edu.my

Received: 31 January 2023; **Accepted:** 30 July 2023; **Published:** 06 September 2023

To cite this article (APA): Kasim, M. R. (2023). CVC Malay Closed Syllabic Spelling Techniques Regressively (Back to Front): An Analysis of Malay syllabification theory: Teknik pengejaan Suku Kata Tertutup Bahasa Melayu KVK secara Regresif (Dari Belakang Ke Depan): Satu analisis teori pengsaakukataan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 12(2), 1–12. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.2.1.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.2.1.2023>

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian yang berkaitan dengan teknik pengejaan suku kata tertutup bahasa Melayu (KVK). Objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan teknik pengejaan suku kata tertutup secara regresif (dari belakang ke depan) dengan menggunakan teori pengsaakukataan bahasa Melayu. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif yang menggunakan teori pengsaakukataan bahasa Melayu yang diubah suai daripada teori pengsaakukataan Goldsmith (2011). Kajian kualitatif yang digunakan dalam kajian ini merupakan kaedah kepustakaan, iaitu melibatkan pembacaan bahan-bahan bertulis berkaitan teori pengsaakukataan Goldsmith (2011) dan pengaplikasiannya terhadap suku kata bahasa Melayu. Dapatan kajian ini adalah penjelasan yang berpada berkaitan teknik pengejaan suku kata tertutup KVK bahasa Melayu. Teknik pengejaan suku kata tertutup ini bermula dengan pembunyian fonem atau huruf yang mengikut bunyi fonem *International Phonetic Alphabets* (IPA) dan seterusnya proses pengejaan suku kata tertutup secara regresif, iaitu dari kanan ke kiri. Proses pengejaan ini ialah vokal di posisi nukleus perlu digabungkan dengan konsonan di posisi koda bagi membentuk bunyi rima (VK). Langkah seterusnya, konsonan di posisi onsets akan digabungkan dengan bunyi rima sebelum ini bagi menghasilkan bunyi suku kata tertutup KVK. Kesimpulannya, kajian ini diharapkan mampu memudahkan tenaga pengajar untuk mengajar murid-murid atau kanak-kanak tentang suku kata tertutup dalam bahasa Melayu.

Kata kunci: kemahiran membaca, teori pengsaakukataan, suku kata tertutup

ABSTRACT

This study is a study related to the technique of spelling closed syllables in Malay (KVK). The objective of this study is to describe the technique of spelling closed syllables regressively (from back to front) by using Malay syllabification theory. The research method used in this study is a qualitative method that using the Malay syllabification theory modified from Goldsmith's syllabification theory (2011). The qualitative study used in this study is a bibliographic method, which involves reading written materials related to Goldsmith's (2011) syllabification theory and its application to Malay syllables. The findings of this study are an explanation

related to the technique of spelling closed syllables (KVK) in Malay language. This technique of spelling closed syllables begins with the sounding of phonemes or letters that follow the International Phonetic Alphabets (IPA) phoneme sound and then the process of spelling closed syllables regressively, that is from right to left. This spelling process is that the vowel in the nucleus position needs to be combined with the consonant in the coda position to form a rhyming sound (VK). In the next step, the consonant in the onset position will be combined with the previous rhyme sound to produce the sound of the closed syllable KVK. In conclusion, this study is expected to be able to make it easier for teachers to teach pupils or children about closed syllables in Malay language.

Keywords: reading skills, syllabification theory, closed syllables

PENDAHULUAN

Kemahiran membaca merupakan elemen terpenting dalam memperoleh ilmu pengetahuan. Menurut Bung Qian Min, et al. (2022), Murid-murid kurang memahami apa-apa yang telah dibaca oleh mereka dalam buku bahasa Melayu. Jika seseorang tidak memahami sesuatu yang dibaca olehnya, maka seseorang itu akan sukar untuk memperoleh ilmu pengetahuan. Hal ini disebabkan seseorang yang mempunyai kemahiran membaca dan faham apa-apa perkara yang dibaca olehnya akan memudahkannya untuk memperoleh ilmu pengetahuan, manakala seseorang yang tidak mempunyai kemahiran membaca akan mengalami kesukaran untuk memperoleh ilmu pengetahuan yang telah dibukukan dalam bentuk tulisan. Tidak dinafikan bahawa tidak semua ilmu diperoleh melalui pembacaan sahaja kerana ilmu juga boleh diperoleh melalui pendengaran dan pemerhatian. Namun begitu, pada masa ini kebanyakan ilmu telah dibukukan dalam bentuk buku, artikel, majalah dan sebagainya. Sekiranya seseorang itu tidak mempunyai kemahiran membaca maka kesemua ilmu yang telah dibukukan itu tidak akan dapat dibaca dan diamalkan.

Selain itu, kemahiran membaca ini juga berkait rapat dengan kemahiran menulis. Kebiasaannya, seseorang yang tidak mempunyai kemahiran membaca akan mengalami masalah untuk menulis. Pernyataan ini disokong oleh Zamri (2014) yang menyatakan bahawa aktiviti menulis sangat berkait rapat dengan kemahiran bertutur dan membaca. Menurut beliau, sesuatu yang dituturkan dan dibaca tidak dapat diterjemahkan dalam bentuk penulisan sekiranya seseorang itu tidak mempunyai kemahiran menulis. Hal ini disebabkan mereka tidak mampu membaca dan mengingati lambang fonem atau huruf dan bentuk suku kata yang sekaligus mempengaruhi kemahiran menulis mereka. Kelemahan dari aspek membaca dan menulis ini menyebabkan penguasaan bahasa seseorang kanak-kanak atau murid itu terjejas dari sudut pemerolehan bahasa. Menurut Chew Fong Peng dan Mohd Fikri Ismail (2020), penguasaan bahasa yang baik membolehkan kanak-kanak berinteraksi dengan masyarakat dengan betul, berkesan dan tepat. Menurut mereka lagi, usaha dalam mengatasi masalah penguasaan bahasa perlu dijalankan dengan mencari punca masalah sejak peringkat awal lagi, iaitu peringkat prasekolah.

Pada masa ini, terdapat banyak kaedah bacaan yang membantu guru-guru atau ibu bapa mengajar anak-anak atau murid-murid mereka membaca. Kaedah-kaedah bacaan yang digunakan oleh guru-guru atau ibu bapa seperti kaedah bacaan huruf (ABC), kaedah bacaan fonik dan sebagainya. Bukan itu sahaja, guru-guru juga menggunakan pelbagai alat bantu mengajar (ABM) untuk meningkatkan kemahiran membaca atau literasi murid-murid. Contohnya, konsep cetakan seperti *Big Book* dapat membantu kanak-kanak sebagai permulaan kepada perjalanan untuk meningkatkan tahap kemahiran literasi kanak-kanak (Nabilah Asha, et al., 2020). Hal ini menunjukkan ramai guru yang bersemangat dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengajar murid-murid membaca bahasa Melayu. Sikap

guru-guru ini wajar dipuji kerana usaha mereka yang tidak pernah mengenal jemu untuk mengajar anak bangsa membaca Melayu.

Walau bagaimanapun, pada masa ini masih terdapat ramai murid atau kanak-kanak yang tidak boleh membaca, terutama sekali membaca suku kata tertutup KVK. Hal ini boleh dibuktikan dengan kajian yang pernah dilakukan oleh A. Jailani (2012) yang menyatakan di dalam kajiannya bahawa terdapat seramai 22 daripada 220 orang murid tidak boleh membaca suku kata tertutup. Situasi ini disebabkan ramai murid-murid yang mungkin boleh membaca perkataan /saya/ dengan mudah, namun terdapat juga ramai murid yang sukar untuk membaca perkataan-perkataan seperti /**makan**/, /**kangkang**/, /**sedang**/ dan banyak lagi. Hal ini disebabkan perkataan-perkataan yang sukar dibaca tersebut mempunyai suku kata tertutup KVK di dalamnya. Suku kata tertutup KVK bahasa Melayu dianggap suku kata yang sangat sukar dikuasai oleh mereka yang baru belajar membaca. Guru-guru atau ibu bapa juga mengalami kesukaran untuk mengajar suku kata tertutup. Oleh itu, kajian ini akan memperkenalkan teknik pengejaan suku kata tertutup KVK bahasa Melayu secara regresif dengan mengaplikasikan teori pengasukukataan bahasa Melayu yang diubah suai daripada teori pengasukukataan Goldsmith (2011).

PENYATAAN MASALAH

Permasalahan utama yang menyebabkan kajian ini perlu dijalankan adalah kesukaran seseorang murid untuk mengeja dan membunyikan suku kata tertutup KVK bahasa Melayu. Bahasa Melayu mempunyai empat suku kata tertutup, iaitu V, KV, VK dan KVK. Keempat-empat suku kata tersebut wujud dalam bahasa Melayu dan hasil gabungan keempat-empat suku kata tersebut akan membentuk perkataan-perkataan bahasa Melayu yang bermakna. Namun begitu, kebanyakan murid sukar untuk mengeja dan membunyikan suku kata tertutup KVK. Hal ini disokong dengan kajian Chew Fong Peng (2015), Nur Syakirah & Muhammad Saiful Haq (2017) dan Wan NurzulianaWan Ahmad (2019) yang menyatakan bahawa kebanyakan murid sukar untuk mengeja dan membunyikan perkataan yang mengandungi suku kata tertutup berbanding suku kata terbuka. Oleh itu, kajian ini akan menghasilkan satu teknik pengejaan suku kata tertutup KVK secara regresif yang akan membantu murid-murid untuk membaca suku kata tertutup ini dengan mudah.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini adalah untuk menghuraikan dengan terperinci teknik pengejaan suku kata tertutup KVK secara regresif dengan menggunakan teori pengasukukataan bahasa Melayu.

DEFINISI OPERASIONAL

Kajian ini akan menggunakan beberapa istilah khusus yang terdapat dalam bidang fonologi, khususnya elemen-elemen penting yang terdapat dalam sesuatu suku kata seperti onset, rima, nukleus dan koda. Berikut merupakan penjelasan berkaitan istilah-istilah khusus bagi onset, rima, nukleus dan koda:

1. Onset

Perkataan onset merujuk kepada *permulaan* bagi sesuatu (Cambridge Dictionary, <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english-malaysian/onset>). Dalam konteks bidang fonologi pula, onset merujuk kepada fonem atau huruf yang hadir di depan atau di awal suku kata. Posisi onset ini pula hanya boleh diisi oleh konsonan sahaja dan bersifat *optional* dalam bahasa Melayu, iaitu boleh hadir dan boleh tidak hadir bergantung kepada contoh sesuatu suku kata bahasa Melayu itu. Sebagai contoh, daripada empat bentuk suku kata bahasa Melayu (V, KV, VK dan KVK), posisi onset hanya diisi konsonan di dalam suku kata KV seperti /sa/, /la/ dan banyak lagi serta suku kata KVK seperti /kan/, /lam/ dan banyak lagi. Konsonan pertama yang ditebalkan dalam contoh-contoh sebelum ini merupakan posisi onset yang hanya diisi oleh konsonan. Jelaslah bahawa istilah onset dalam bidang fonologi juga boleh merujuk kepada awal kata dalam bahasa Melayu.

2. Rima

Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), rima bermaksud bunyi yang bergema atau berulang di akhir perkataan. Dalam konteks bidang fonologi dan aspek suku kata khususnya, rima merujuk kepada bunyi suku kata yang terbit daripada bunyi vokal atau gabungan bunyi vokal dan konsonan. Bunyi rima ini terhasil daripada fonem vokal yang berada di posisi nukleus sahaja, atau gabungan vokal yang berada di posisi nukleus dan konsonan di posisi koda. Berikut merupakan penjelasan lanjut berkaitan istilah nukleus dan koda di dalam suku kata.

3. Nukleus

Definisi Nukleus atau *nucleus* menurut Cambridge Dictionary (<https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english-malaysian/nucleus>) dalam konteks kimia dan fizik ialah bahagian tengah atom atau *the central part of an atom*. Manakala, dalam konteks suku kata atau fonologi, nukleus merujuk kepada posisi tengah suku kata yang wajib diisi oleh vokal. Posisi ini tidak boleh diisi oleh konsonan. Posisi nukleus wujud dalam setiap bentuk suku kata bahasa Melayu, iaitu V, KV, VK dan KVK.

4. Koda

Koda atau *coda* merujuk kepada akhir suku kata atau *the end of syllable* (Cambridge Dictionary, <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/coda>). Posisi koda ini diisi oleh fonem konsonan dan dalam konteks bahasa Melayu, kehadiran fonem konsonan di posisi koda ini adalah bersifat *optional* iaitu boleh hadir dan boleh tidak hadir bergantung kepada sesuatu suku kata itu.

METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam menghasilkan teknik pengejaan suku kata tertutup KVK secara regresif. Kajian kualitatif yang digunakan dalam kajian ini merupakan kaedah kepustakaan, iaitu melibatkan pembacaan bahan-bahan bertulis berkaitan teori pengspukukataan Goldsmith (2011) dan pengaplikasiannya terhadap suku kata bahasa Melayu.

Kerangka Teoretis

Kajian ini akan menggunakan teori pengasukukataan bahasa Melayu yang diubah suai daripada teori autosegmental untuk menganalisis data. Representasi autosegmental terdiri daripada tiga peringkat yang utama, iaitu tingkat suku kata, tingkat gatra X dan tingkat melodi. Menurut Goldsmith (2011: 164), kajian terhadap suku kata merupakan salah satu daripada konstruk kajian yang tertua dalam kajian bahasa dan banyak kajian fonologi yang telah melakukan kajian terhadap suku kata ini. Menurutnya lagi, segmen tertentu dapat direalisasikan dengan cara yang berbeza, bergantung kepada lokasi segmen tersebut muncul dalam suku kata. Secara tradisinya, suku kata yang terdiri daripada vokal biasanya akan didahului oleh satu atau lebih konsonan dan kadang-kadang akan diikuti oleh satu atau lebih konsonan (Goldsmith, 2011: 165). Oleh itu, suku kata memainkan peranan yang sangat penting dalam menganalisis keteraturan fonologi, iaitu untuk menyatakan rentetan bunyi asas dalam sesuatu bahasa itu (Goldsmith, 2011: 165).

Setelah meneliti konsep suku kata yang dinyatakan oleh Goldsmith (2011), kajian ini akan memaparkan model atau teori pengasukukataan yang dicadangkan oleh Goldsmith (2011) dan mengubah suai teori tersebut supaya bersesuaian dengan teori pengasukukataan bahasa Melayu. Menurut Goldsmith (2011: 170), model pengasukukataan yang selalu digunakan oleh ahli fonologi ialah model pengasukukataan yang mengandungi tingkat suku kata, onset, rima, nukleus dan koda. Bagi melihat dengan lebih jelas model pengasukukataan ini, lihat rajah di bawah:


Rajah 1: Model Pengasukukataan



Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Goldsmith (2011: 170)


Berdasarkan model pengasukukataan yang dicadangkan oleh Goldsmith (2011) di atas, kajian ini akan mengubah suai model tersebut mengikut kesesuaian suku kata bahasa Melayu. Struktur suku kata bahasa Melayu pada asasnya ialah (K) V (K), iaitu K yang pertama merupakan konsonan yang bersifat optional (boleh hadir dan boleh tidak hadir), V pula merujuk kepada vokal yang bersifat wajib dan mesti wujud dalam suku kata bahasa Melayu, K yang kedua pula merujuk kepada konsonan yang juga bersifat optional seperti K yang pertama. Hal ini bermaksud, vokal memainkan peranan yang sangat penting dalam suku kata bahasa Melayu dan tanpa vokal sesuatu suku kata itu tidak akan menghasilkan bunyi kerana vokal ialah penentu bunyi suku kata. Lihat Rajah 2 di bawah yang memaparkan rajah pohon untuk suku kata bahasa Melayu:

Rajah 2: Suku kata bahasa Melayu




Rajah 2 di atas boleh menghasilkan empat bentuk suku kata bahasa Melayu. Pertama sekali, jika suku kata itu hanya mempunyai satu vokal (V) sahaja seperti vokal /i/ dalam perkataan /i + kan/, maka tidak ada cabang untuk posisi onset dan koda. Begitu juga, jika suku kata tersebut hanya suku kata terbuka (KV) seperti /sa/, maka tidak ada cabang untuk posisi koda. Manakala, jika suku kata berbentuk VK seperti suku kata /am/, maka tidak ada cabang untuk posisi onset. Akhir sekali, jika suku kata tertutup (KVK), maka cabang onset, nukleus dan koda perlu ada untuk membentuk suku kata tertutup bahasa Melayu. Berikut merupakan rajah pohon bagi suku kata V, KV, VK dan KVK:


Rajah 3: Suku terbuka (V)




Rajah 4: Suku kata terbuka (KV)



Rajah 5: Suku kata tertutup (VK)



Rajah 6: Suku kata tertutup (KVK)



DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Kajian ini akan menjelaskan teknik pengejaan suku kata tertutup KVK bahasa Melayu secara regresif dengan terperinci. Namun begitu, sebelum teknik pengejaan ini dihuraikan dengan lebih jelas, kajian ini akan menjelaskan terlebih dahulu kaedah membunyikan fonem (huruf) dengan sebutan yang betul. Kaedah membunyikan fonem atau huruf ini merujuk kepada bunyi fonem yang terdapat dalam *International Phonetic Alphabets* (IPA, <https://www.internationalphoneticassociation.org/content/full-ipa-chart>). Kaedah membunyikan fonem mengikut IPA ini adalah sangat penting kerana akan mempengaruhi proses pengejaan suku kata bahasa Melayu, terutama sekali suku kata tertutup KVK. Sekiranya, sesuatu fonem itu dibunyikan tidak tepat, maka proses pengejaan juga akan terjejas dan menyebabkan output atau hasil bunyi suku kata itu tidak tepat. Oleh itu, bunyi IPA ini akan menjadi rujukan utama dalam membunyikan fonem vokal, konsonan dan diftong bahasa Melayu. Berikut merupakan senarai fonem vokal, konsonan dan diftong bahasa Melayu yang disertakan dengan cara pembunyian fonem-fonem tersebut:

Jadual 1: Cara Membunyikan Fonem-fonem Vokal

Bil.	Vokal	Cara Membunyikan
1.	a	Bunyikan vokal /a/ ini seperti dalam perkataan [a yam]
2.	e	Bunyikan vokal /e/ ini seperti dalam perkataan [e mak]
3.	i	Bunyikan vokal /i/ ini seperti dalam perkataan [i kan]
4.	o	Bunyikan vokal /o/ ini seperti dalam perkataan [o tak]
5.	u	Bunyikan vokal /u/ ini seperti dalam perkataan [u lar]
6.	e	Bunyikan vokal /e/ ini seperti dalam perkataan [e lok]

Jadual 2: Cara Membunyikan Fonem-fonem Konsonan

Bil.	Konsonan	Cara Membunyikan
1.	p	Bunyikan konsonan /p/ ini [pe h] seperti dalam perkataan [p a ku]
2.	b	Bunyikan konsonan /b/ ini [be h] seperti dalam perkataan [b a tu]
3.	t	Bunyikan konsonan /t/ ini [te h] seperti dalam perkataan [t a li]
4.	d	Bunyikan konsonan /d/ ini [de h] seperti dalam perkataan [d a ki]
5.	k	Bunyikan konsonan /k/ ini [ke h] seperti dalam perkataan [k a li]
6.	g	Bunyikan konsonan /g/ ini [ge h] seperti dalam perkataan [g a li]
7.	c	Bunyikan konsonan /c/ ini [ce h] seperti dalam perkataan [c a ri]
8.	j	Bunyikan konsonan /j/ ini [je h] seperti dalam perkataan [j a ri]
9.	m	Bunyikan konsonan /m/ ini [me h] seperti dalam perkataan [m a na]
10.	n	Bunyikan konsonan /n/ ini [ne h] seperti dalam perkataan [n a ma]
11.	ng	Bunyikan konsonan /ng/ ini [nge h] seperti dalam perkataan [ng a du]
12.	ny	Bunyikan konsonan /ny/ ini [nye h] seperti dalam perkataan [ny a la]
13.	s	Bunyikan konsonan /s/ ini [se h] seperti dalam perkataan [s a ya]
14.	h	Bunyikan konsonan /h/ ini [he h] seperti dalam perkataan [h a ri]
15.	r	Bunyikan konsonan /r/ ini [re h] seperti dalam perkataan [r a ya]
16.	l	Bunyikan konsonan /l/ ini [le h] seperti dalam perkataan [l a ma]
17.	w	Bunyikan konsonan /w/ ini [we h] seperti dalam perkataan [w a li]


18. y Bunyikan konsonan /y/ ini [yeh] seperti dalam perkataaan [yati]
19. f Bunyikan konsonan /f/ ini [feh] seperti dalam perkataaan [fati]
20. v Bunyikan konsonan /v/ ini [veh] seperti dalam perkataaan [vari]
21. z Bunyikan konsonan /z/ ini [zeh] seperti dalam perkataaan [zari]
22. sy Bunyikan konsonan /sy/ ini [syeh] seperti dalam perkataaan [syarat]
23. kh Bunyikan konsonan /kh/ ini [kheh] seperti dalam perkataaan [khabar]
24. gh Bunyikan konsonan /gh/ ini [gheh] seperti dalam perkataaan [ghaib]

Jadual 3: Cara Membunyikan Fonem-fonem Diftong

Bil.	Diftong	Cara Membunyikan
1.	ai	Bunyikan diftong /ai/ ini seperti dalam perkataan [serai]
2.	au	Bunyikan diftong /au/ ini seperti dalam perkataan [surau]
3.	oi	Bunyikan diftong /oi/ ini seperti dalam perkataan [kaloi]

Apabila fonem-fonem vokal, konsonan dan diftong dalam jadual di atas dibunyikan dengan betul, barulah proses pengejaan suku kata tertutup KVK dijelaskan dalam kajian ini. Suku kata tertutup KVK merupakan suku kata yang mengandungi fonem di posisi onsets, nukleus dan koda. Berikut merupakan rajah pohon suku kata tertutup KVK:

Rajah 7: Suku kata tertutup (KVK)



Berdasarkan Rajah 7, struktur suku kata tertutup tersebut akan menghasilkan banyak suku kata. Sebagai contoh, /pan/, /ban/, /kan/ dan banyak lagi merupakan suku kata tertutup yang wujud daripada bentuk suku kata KVK tersebut. Oleh itu, setiap suku kata tertutup KVK itu perlu dibunyikan fonem dan dieja suku kata dengan betul bagi menghasikan output atau bunyi yang tepat. Berikut merupakan langkah-langkah yang perlu diikuti semasa mengeja suku kata tertutup KVK secara regresif ini bagi contoh suku kata /pan/. Perlu diingat bahawa pengejaan secara regresif atau ke belakang bermaksud permulaan proses pengejaan dari sebelah kanan ke sebelah kiri suku kata tertutup.


Proses Pengejaan Suku Kata Tertutup KVK /pan/ Secara Regresif

Terdapat dua (2) langkah yang perlu diikuti semasa proses pengejaan suku kata tertutup KVK secara regresif ini. Berikut merupakan langkah-langkah yang perlu diikuti semasa proses pengejaan suku kata tertutup bagi suku kata /pan/ ini:

Langkah 1

Semasa di langkah 1 ini, seseorang itu perlu menggabungkan terlebih dahulu vokal /a/ di posisi nukleus dan konsonan /n/ di posisi koda bagi menghasilkan bunyi rima [an]. Berikut merupakan rajah bagi memperlihatkan gabungan antara nukleus dan koda ini:

Rajah 8: Nukleus + koda = an




Berdasarkan Rajah 7 di atas, cabang nukleus dan koda, iaitu /a/ + /n/ digabungkan bagi membentuk bunyi rima [an] kerana nukleus dan koda merupakan cabang yang berada di bawah naungan rima. Oleh itu, cabang nukleus dan koda perlu dieja dan digabungkan terlebih dahulu bagi menghasilkan bunyi rima.

Langkah 2

Selanjutnya, selepas bunyi rima terhasil, iaitu [an], langkah seterusnya adalah menggabungkan konsonan di posisi onset dengan bunyi rima tersebut. Berikut merupakan rajah bagi memperlihatkan gabungan antara konsonan onset /p/ dengan rima [an]:

Rajah 8: Onset + Rima = [pan]



Rajah 8 di atas menunjukkan konsonan /p/ di posisi onset akan dieja dan digabungkan dengan bunyi rima [an]. Hasil daripada gabungan tersebut akan menghasilkan suku kata tertutup KVK [pan].

Justifikasi cabang onset perlu digabungkan dengan cabang rima kerana jika kita merujuk Rajah di atas, kedua-dua cabang tersebut berada pada tingkat atau tahap yang sama. Manakala, cabang nukleus dan koda berada lebih rendah daripada cabang onset dan rima. Oleh itu, setiap cabang itu perlu digabungkan mengikut cabang yang setara dan tidak boleh digabungkan dengan cabang yang lebih rendah. Sebagai contoh, cabang Onset tidak boleh dieja dan digabungkan dengan nukleus terlebih dahulu dan kemudian dieja dan digabungkan dengan koda. Hal ini akan menghasilkan output yang tidak tepat. Sebagai contoh, dalam suku kata /pan/, konsonan /p/ dieja dan digabungkan terlebih dahulu dengan nukleus /a/ akan menghasilkan bunyi [pa]. Kemudian bunyi [pa] itu digabungkan dengan konsonan di posisi koda, iaitu /n/. Hal ini akan menghasilkan output atau bunyi yang salah, iaitu *[paneh] dan bukannya [pan].

Tuntasnya, teknik pengejaan suku kata tertutup KVK secara regresif ini perlulah diaplikasikan semasa proses pengejaan suku kata tertutup. Kajian ini juga ingin menegaskan bahawa posisi onset (konsonan), nukleus (vokal) dan koda (konsonan) tersebut boleh diisi dengan apa-apa juga fonem vokal, konsonan atau diftong yang akan menghasilkan pelbagai bentuk suku kata tertutup KVK. Oleh itu, contoh suku kata tertutup KVK /pan/ yang digunakan di atas boleh digantikan dengan apa-apa juga suku kata tertutup KVK yang lain bagi membuktikan keberkesanan teknik pengejaan suku kata tertutup ini.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah menjelaskan secara terperinci teknik pengejaan suku kata tertutup KVK secara regresif bahasa Melayu. Sebelum teknik pengejaan tersebut dijelaskan secara terperinci, kajian ini juga turut telah menjelaskan cara membunyikan fonem atau huruf dengan betul dengan merujuk kepada bunyi fonem vokal, konsonan dan diftong yang terdapat dalam senarai IPA. Walaupun penjelasan ini hanya dalam bentuk tulisan dan tidak ada bunyi bagi menjelaskan dengan terperinci bunyi-bunyi fonem tersebut, namun penjelasan yang diberikan dalam Jadual 1, 2, dan 3 sebelum ini dianggap berpada dan mampu membuat pembaca untuk memahami bunyi-bunyi fonem tersebut. Selain itu, penjelasan berkaitan langkah-langkah pengejaan suku kata tertutup ini juga telah dijelaskan mengikut langkah-langkah yang telah dihuraikan sebelum ini. Oleh itu, kesimpulannya kajian ini berharap teknik pengejaan ini dapat diaplikasikan oleh guru-guru atau ibu bapa bagi mengajar murid dan anak-anak mereka yang baru ingin belajar membaca.

PENGHARGAAN

Kajian ini mendapat dana daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris melalui Skim Geran Galakan Penyelidikan (GGPU), Kod Penyelidikan: 2021-0083-107-01.

RUJUKAN

- A. Jailani Bin Che Abas. (2012). *Analisis Kecelaruhan Membaca Bahasa Melayu Pelajar Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M)*. Disertasi Sarjana Linguistik. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- Bung Qian Min, et al. (2022). Kesedaran Dan Keperluan Guru Mengenai Modul Teknik Bacaan Dialogik Di Prasekolah SJKC. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*. Vol 11 (1): 22-34.
- Chew Fong Peng. (2015). Pelaksanaan Program Literasi Dan Numerasi (LINUS) Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 5, Bil. 2 (Nov. 2015): 1-11.

- Chew Fong Peng & Mohd Fikri Ismail. (2020). Pelaksanaan Pendekatan Bermain Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*. Vol 9 (1): 14-25.
- Goldsmith, John. (2011). *The Syllable*. In Goldsmith, John et al.. (2011). *The Handbook of Phonological Theory*. Wiley-Blackwell.
- Nabilah Asha, et al. (2020). Penggunaan *Big Book* Dalam Kalangan Guru Tadika Untuk Perkembangan Literasi Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*. Vol 9: 106-112.
- Nur Syakirah Binti Azizan & Muhammad Saiful Haq Bin Hussin. (2017). Penguasaan Asas Membaca Melayu Melalui Program LINUS Di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 28: 135-163.
- Wan Nurzuliana Wan Ahmad. (2019). Amalan Guru Dalam Melaksanakan Kemahiran Literasi Bahasa Melayu Bagi Program LINUS Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. ISSN: 2180-4842. Vol. 9, Bil. 1 (Mei 2019): 1-11.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P Dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.